

02 APR 2000

Mahathir-Sanggang

KEMENANGAN BN KERANA KESEDARAN PENGUNDI, KATA DR MAHATHIR

SEPANG, 2 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kemenangan Barisan Nasional pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Sanggang semalam adalah hasil kesedaran di kalangan pengundi bahawa parti terbaik masih lagi BN.

Perdana Menteri berkata para pengundi yakin BN tidak menyalahgunakan kedudukannya atau menggunakan cara-cara kotor untuk menang.

Rakyat juga tidak lagi terpengaruh dengan emosi yang dicetuskan oleh perkara-perkara lain seperti kononnya bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah dianiaya, katanya.

"Saya percaya kejayaan ini adalah hasil daripada kempen yang dibuat dan kita juga dapati bahawa parti lawan menggunakan taktik amat buruk dan cuba menakut-nakutkan orang supaya mereka tidak keluar mengundi terutamanya orang Cina," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Grand Prix Motosikal Dunia Malaysia 2000 di Litar Antarabangsa Sepang (SIC) di sini.

Dr Mahathir ditanya apakah faktor utama yang menyumbang kepada kemenangan BN yang menyaksikan calonnya Redzwan Harun menewaskan calon PAS Hishamuddin Yahaya dengan majoriti 1,963.

Redzwan mendapat 6,743 undi sementara Hishamuddin mendapat 4,780 undi.

Dr Mahathir turut gembira kerana majoriti undi jauh lebih banyak daripada yang diperolehi BN pada pilihan raya umum lepas.

Lebih mengembirakan, katanya, kerana ia dicapai walaupun sejumlah pengundi telah dikeluarkan daripada senarai daftar pemilih dan beliau yakin ada di antara mereka itu merupakan penyokong BN.

(Senarai daftar pemilih baru bagi kawasan Sanggang ialah 15,276 berbanding 15,579 senarai lama yang digunakan pada pilihan raya umum November lepas).

Menjawab satu pertanyaan, Perdana Menteri berkata walaupun BN menang dengan baik pada pilihan raya umum November lepas, ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa sokongan terhadap BN berkurangan terutama di kalangan orang Melayu disebabkan hasutan parti lawan.

Beliau yakin kesempatan BN kini memberi penjelasan tentang apa sebenarnya yang berlaku dalam politik tanah air telah membuatkan orang Melayu menyokong BN.

Dr Mahathir berkata kempen parti lawan hanyalah mempunyai satu matlamat iaitu mahu rakyat membenci BN dan mengundi mereka.

"Kalau (kita) tanya apa (yang pengundi) dapat kalau undi parti lawan... (jawabnya) tak ada apa...cuma nak bangkitkan perasaan benci kepada kerajaan dan undi mereka (pembangkang)," katanya.

Dr Mahathir berkata persoalannya ialah bukan soal benci tetapi soal hendak mentadbir negara ini termasuk juga memelihara kesucian agama Islam.

Ditanya apakah sokongan Melayu sekarang sudah semakin pulih, Perdana Menteri berkata ia akan pulih apabila kerajaan berpeluang mendekati orang Melayu dan memberi penjelasan tentang apa yang sebenarnya berlaku.

"Tidak ada konspirasi, tidak ada penganiayaan, hanya kita hendak menyelamatkan negara kita daripada seorang yang kita anggap tak layak," katanya.

Mengenai jumlah pengundi yang ramai keluar mengundi, Dr Mahathir berkata: "Ini menunjukkan timbul kesedaran untuk menebus semula apa yang hilang dahulu."

Beliau turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang kategori motosikal 125cc.

Grand Prix Motosikal Dunia Malaysia itu merupakan pusingan kedua daripada 16 pusingan yang bermula di Afrika Selatan dua minggu lepas.

Seramai 76 pelumba mengambil bahagian pada perlumbaan hari ini melibatkan kategori 125 cc, 250cc dan 500 cc.

-- BERNAMA

MAM RON